

Swasta mungkin sedia hospital di bandar.

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan mungkin meminta pihak swasta menyediakan beberapa perkhidmatan kesihatan di beberapa bandar besar, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurutnya, beberapa perkhidmatan kesihatan membabitkan pelaburan yang besar dan tidak upaya ditanggung oleh kerajaan kerana kekurangan peruntukan.

"Banyak masalah kesihatan yang perlu diberi keutamaan, umpamanya, Hospital Kuala Lumpur yang dalam keadaan amat daif.

"Oleh itu, kita perlu membina hospital lain untuk Kuala Lumpur.

"Inilah antara masalah yang perlu dipertimbangkan kerana pendapatan kerajaan tidak banyak. Kita mungkin mencari jalan melalui penswataan untuk mengadakan perkhidmatan kesihatan di bandar besar," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Saintifik Persatuan Asia Pasifik Mengenai Kajian Hati Ke-9 di sini, hari ini.

Mesyuarat empat hari itu dihadiri oleh lebih 700 peserta dari 13 negara termasuk 52 pakar dari bidang hepatologi.

Ia dianjurkan oleh Persatuan Asia Pasifik Mengenai Kajian Hati (APASL).

Terdahulu daripada itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan membelanjakan RM3 juta untuk menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan kesihatan setiap tahun.

Peruntukan itu antaranya digunakan untuk memberi bekalan air yang sempurna, pembangunan, persekitaran yang lebih bersih dan pendidikan kesihatan.

Hasilnya, banyak wabak penyakit seperti taun, cirit-birit, penyakit yang menjangkiti ibu dan bayi, serta jangkitan virus kepada hati yang pernah menjadi pembunuh utama di kawasan luar bandar, kini semakin berkurangan.

"Perangkaan menunjukkan penyakit berkaitan kardiovaskular dan trauma menjadi punca utama kematian di negara ini," katanya.